



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 12 DISEMBER 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AIRIBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INISIATIF PEH BANTU TANGANI KOS SARA HIDUP, FIKRAH, HARAKAH -F8	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	ROMBAK SEMULA JABATAN VETERINAR, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	DANA RM60 JUTA PERKASA SEKTOR PERTANIAN DI JOHOR, NEGARA, KOSMO -7	LAIN-LAIN
4.	JANGAN TERGESA-GESA IMPORT TELUR, NEGARA, KOSMO -11	
5.	PERSATUAN SYOR KERAJAAN APUNG HARGA TELUR, AYAM, NASIONAL, BH -18	
6.	PENSTRUKTURAN SEKTOR PADI, BERAS BANTU PESAWAH BERDAYA TAHAN, RENCANA, BH -12	
7.	'NAK DAPAT RM50 SEHARI PUN SUSAH', DALAM NEGERI, UM -29	
8.	PRICES OF FISH, VEGETABLES DOUBLE DUE TO MONSOON SEASON, NATION, NST -6	
9.	SHORTAGE AND FOOD PRICE INCREASES MAY DAMPEN CNY JOY, NATION, THE STAR -5	
10.	WET WEATHER INCREASING COSTS, NATION, THE STAR -5	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Diberi penerangan oleh pegawai di kompleks berkenaan.



Anggota exco turut hadir bersama.

Harakah Fikrah

NO. 2907 | 17 - 20 JAMADILAWAL 1444 / 12 - 15 DISEMBER 2022

Inisiatif PEH bantu tangani kos sara hidup

Oleh **NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF**

PADANG BESAR: Seramai 125 orang penerima mendapat faedah dari Projek Pertanian Pemacu Ekonomi Hidroponik (PEH) anjuran Jabatan Pertanian Negeri Perlis

bagi tahun 2022.

Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli berkata, inisiatif tersebut bagi menangani peningkatan kos sara hidup rakyat terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah (B40) dan golongan belia yang terjejas.



Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli memotong riben merasmikan majlis pelancaran PEH di Kompleks Pertanian Bukit Temiang, di sini pada Khamis, 8 Disember lepas.



Melihat hasil tanaman di Kompleks Pertanian Bukit Temiang.

"Satu projek yang cukup baik untuk memastikan bekalan makanan mencukupi serta membantu rakyat yang kurang mampu untuk menyediakan bekalan makanan yang bersih dan berkualiti.

"Kita harap keseluruhan rakyat dapat menerima projek seumpama ini dan mengambil sisi positif dalam semua perkara yang kita buat," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran PEH di Kompleks Pertanian Bukit Temiang, di sini pada Khamis, 8 Disember lepas.

Menurut beliau lagi, menerusi projek PEH juga secara tidak langsung akan membantu

meningkatkan ekonomi kerajaan negeri.

"Projek ini dari kerajaan sebelum ini dan kita teruskan, memang projek yang baik dan patut diteruskan.

"Seramai 125 orang penerima terlibat dengan peruntukan sebanyak RM 750,000 satu modal yang banyak, justeru penerima hendaklah mengambil manfaat dengan sebaik mungkin," katanya lagi.

Menurut beliau lagi, bagi memastikan hasil sayuran peserta dapat dijual di pasaran dan tidak menghadapi masalah pemasaran, pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut bekerjasama bagi membantu peserta dalam urusan penjualan dan pemasaran hasil.

"Seramai 14 orang usahawan pemasar telah dilantik bagi membantu peserta program ini

untuk mengumpul dan memasarkan hasil pertanian mereka.

"Mereka juga perlu memastikan hasil sayuran dapat dijual dengan harga yang berpatutan di pasaran," ujarnya.

Untuk rekod, sistem penanaman secara hidroponik tersebut boleh diusahakan oleh peserta sebanyak 10 kali pusingan tanaman dalam tempoh satu tahun.

Justeru pendapatan yang diperolehi akan menjimatkan 20 peratus belanja dapur isi rumah setiap bulan.

Turut hadir, Pegawai Kewangan Negeri Perlis, Zepri Saad; Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Razali Saad; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Rusdi Yahya dan Pengarah Pertanian Negeri Perlis, Hafizuddin Othman.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Perlu turut ambil siswazah sains haiwan, pengurusan dan pemasaran

Rombak semula Jabatan Veterinar

Oleh **ZAHARIE ROSLI**
utusannews@mediamulla.com.my

SERDANG: Industri ternakan negara akan kekal di takuk lama apabila wujud agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang kini dimonopoli oleh para pegawai dalam jurusan yang sama iaitu veterinar.

Ini kerana pegawai-pegawai tersebut hanya mempunyai kepakaran yang cenderung dalam aspek perubatan veterinar dan kurang terlibat dalam aspek ternakan asas sumber makanan.

Sedangkan agensi tersebut memerlukan kepakaran dalam pelbagai bidang lain khususnya pengurusan ternakan sumber

makanan, pengurusan perniagaan, pembangunan sumber manusia serta pemasaran bagi meningkatkan industri tersebut.

Bekas pensyarah Sains Haiwan, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Azhar Kasim berkata, kebanyakan pegawai kerajaan yang menjadi pembuat keputusan

pada masa ini adalah dalam kalangan pemegang ijazah sarjana muda veterinar yang mana kurikulum peringkat fakulti menyediakan pengajaran 10 peratus sahaja dalam bidang produksi ternakan manakala 90 peratus lagi dalam bidang perubatan.

Bersambung di muka 2

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Rombak semula Jabatan Veterinar

Dari muka 1

Sehubungan itu, katanya, kerajaan perlu membuka ruang kepada siswazah bukan veterinar seperti pemegang ijazah sarjana muda sains haiwan, ijazah sarjana muda pengurusan dan pemasaran untuk bersama-sama menyumbang buah fikiran dalam merancang pembangunan industri ternakan negara kerana mereka lebih faham mengenai industri itu.

“Kita ada enam universiti awam yang menghasilkan siswazah dalam bidang ternakan iaitu sains haiwan tetapi mereka ini terpaksa pergi ke sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) kerana tidak mendapat tempat di jabatan kerajaan,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* semalam.

Kelmarin, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengenal pasti beberapa sumber dari luar untuk menampung keperluan bekalan telur ayam dalam negara dengan kadar segera untuk pelan jangka pendek.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, inisiatif membawa masuk telur ayam dari sumber luar itu bukan untuk menekan pengusaha industri tempatan sebaliknya bagi memastikan bekalan dalam negara tidak terputus dan kebajikan rakyat terjaga.

Ditanya mengenai keperluan mengimport telur ayam, kata Azhar, Malaysia tidak memerlukan formula import makanan khususnya telur ayam kerana bidang ternakan dalam negara mempunyai potensi untuk dimajukan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Selain itu, Malaysia juga



Kerajaan perlu membuka ruang kepada siswazah bukan veterinar seperti pemegang ijazah sarjana muda sains haiwan, ijazah sarjana muda pengurusan dan pemasaran untuk bersama-sama menyumbang buah fikiran.”

DR. AZHAR KASIM

masih mempunyai kawasan ladang dan penternakan yang luas selain mempunyai pengalaman yang jauh lebih tinggi dalam menghasilkan telur ayam berkapasiti tinggi.

Jelas beliau, import telur ayam hanya merugikan negara kerana berlaku pengaliran keluar mata wang asing selain produk import yang tidak dijamin kualitinya.

“Kita terlalu fokus terhadap produk luar seperti lembu susu import, daging import, kambing import, bebiri import dan ayam daging import. Jadi, baka tempatan tidak berkembang dan kita rugi dari segi pertukaran mata wang.

“Saya berjaya membuat kajian dalam menambah baik baka ayam kampung asli yang mam-

pu meningkatkan pengeluaran, jadi, kenapa tidak dibuat untuk haiwan-haiwan lain sehingga berjaya seperti yang dilakukan di negara-negara luar,” jelas beliau.

Menurut Azhar lagi, agensi-agensi kerajaan juga perlu mempunyai komunikasi yang baik dengan pemain industri ternakan sendiri untuk mengumpul golongan bijak pandai dan mempunyai pengalaman yang tepat dalam membantu merangka projek rancangan masa hadapan.

Katanya, kekurangan atau *loophole* akan wujud dalam polisi yang digubal sekiranya anggota kerajaan tidak mempunyai ilmu mencukupi mengenai industri ternakan sehingga mengganggu bekalan makanan negara.

Tambah Azhar, negara patut mencontohi negara jiran seperti Indonesia dan Thailand yang mempunyai pelbagai baka tempatan sendiri dan sentiasa menambahbaik baka tempatan melalui penyelidikan dan pembangunan.

Jelasnya, di negara ini, walaupun Majlis Baka Unggas Negara sudah pun diwujudkan, tetapi badan tersebut tidak bergerak dan dimanfaatkan dengan baik.

“Negara kita mempunyai pakar yang berpotensi menjalankan R&D untuk memajukan industri ternakan sehingga mampu menjadi pengeksport besar ke negara luar.

“Buktinya, menurut data diterbitkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Malaysia mengeksport 13,241,038 ekor ayam hidup ke Singapura sepanjang tahun ini setakat 30 April lepas” ujarnya.

Dana RM60 juta perkasa sektor pertanian di Johor

ISKANDAR POTERI - Aktiviti pembangunan sektor pertanian di negeri ini terus diperkasa menerusi suntikan dana berjumlah lebih RM60 juta daripada kerajaan negeri atau Persekutuan yang direkodkan tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri,

Datuk Zahari Sarip berkata, peruntukan itu disalurkan menerusi lapan agensi dan jabatan kerajaan bagi melaksanakan 149 program pembangunan.

Jelasnya, aktiviti pertanian yang dirangka sehingga kini telah memberi manfaat secara langsung kepada lebih 18,000 orang pengusahanya dalam pelbagai sub-

sektor pertanian di negeri ini.

"Daripada jumlah itu, Jabatan Pertanian Negeri Johor telah melaksanakan sebanyak 46 projek insentif menerusi peruntukan sebanyak RM32 juta tahun ini.

"Insentif ini telah memberi manfaat secara langsung kepada 10,959 orang usahawan tani menerusi insentif pembangunan

tanaman makanan, pembangunan industri asas tani dan pembangunan modal insan.

"Projek itu dilaksanakan menggunakan tiga sumber peruntukan iaitu daripada kerajaan negeri (RM10 juta), Kerajaan Persekutuan (RM13.9 juta) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) berjumlah RM7.9

juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan Re Chin Li (**PE-Tangkak**) mengenai skim bantuan yang disediakan kepada petani dan sejauh mana keberkesanan bantuan-bantuan tersebut pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor di Kota Iskandar, di sini semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2022	KOSMO	NEGARA	11

Jangan tergesa-gesa import telur

SAUDARA PENGARANG,

SAYA ingin memberi pandangan berhubung langkah kerajaan dalam mengenal pasti beberapa sumber dari luar bagi menampung keperluan telur ayam dalam negara. Tidakkah ia satu tindakan terburu-buru tanpa memikirkan kesan kepada rakyat dan pemain industri?

Kepada kerajaan baharu, bertindak dengan bijak dan buat siasatan terlebih dahulu kerana khabarnya masalah ini berlarutan hampir enam bulan sebelum Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15). Begitu juga masalah minyak masak peket. Bagi rakyat, mereka berharap kerajaan baharu dapat menyelesaikan masalah itu yang dilihat semakin hari semakin tidak dapat dikawal.

Jika kerajaan bercadang untuk mengimport telur, bermakna kerajaan baharu juga gagal dan kecundang dalam menyelesaikan isu bekalan ini apabila bertindak mudah dengan mengimport.

Sebelum ini akhbar banyak memaparkan masalah di sebalik kekurangan bekalan seperti ayam dan telur. Jadi kerajaan perlu menubuhkan pasukan khas untuk menyiasat dalangnya berbanding mencari jalan mudah dengan cara mengimport



MASALAH kekurangan bekalan telur ayam di seluruh negara sudah berlarutan lama sebelum PRU15 lagi.

telur ayam.

Jika kerajaan mengimport, ini bererti ia mengancam penternak dan pengusaha ladang telur tempatan yang menjadi pembekal untuk sekian lama.

Selain itu, barangan import berbentuk makanan berpotensi mengancam keselamatan pengguna seperti mudah rosak, tamat tempoh dan juga barangan tiruan.

Maka, kerajaan perlu bertindak tegas dalam memastikan bekalan telur tidak dimanipulasi oleh pihak tertentu

sebelum bertindak mengimport yang belum pasti terjaminnya terutama aspek kebersihan.

Sehingga kini, masalah bekalan makanan berlarutan dan kerajaan baharu ditagih rakyat tidak diheret sama dalam kemelut ini. Jika tidak, rakyat Malaysia terpaksa menghadapi krisis demi krisis dan tidak mustahil akan berdepan krisis makanan pula.

TELUR TEMBELANG
Temerloh, Pahang

Persatuan syor kerajaan apung harga telur, ayam

PPANS dakwa gangguan bekalan tidak akan berakhir jika subsidi diteruskan

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan disaran melaksanakan pengapungan harga telur dan ayam, tanpa meletakkan sebarang paras siling bagi memastikan masalah kekurangan bekalan bahan mentah itu dapat diatasi.

Pengerusi Persatuan Penter-

nak Ayam Negeri Selangor (PPANS), Idrus Zainal Abidin, berkata sekiranya kerajaan terus memberikan subsidi kepada pen-ternak, gangguan be- kalan itu tidak akan berakhir kerana yakin pengeluaran itu akan dikurangkan.

Bijak berbelanja

Beliau berkata, se- elok-eloknya harga te- lur atau ayam di- apungkan, walaupun sedikit mahal di pasa- ran, tetapi bekalan pasti akan sentiasa ada.

“Rakyat juga kenalah bijak ber- belanja, sekiranya harga itu di- anggap mahal sedikit, berjimat cermatlah.

“Masyarakat kena faham, ke- naikan harga telur atau ayam ini dipengaruhi oleh faktor seke- ling yang mana bekalan maka- nan contohnya, ja- ngung dibeli dari ne- gara bermasalah an- taranya Ukraine, Brazil dan Argenti- na.

“Ketika ini beka- lan memang susah diperoleh dan kenai- kan harga itu adalah, sesuatu yang logik,” katanya kepada BH, semalam.

Idrus berkata, pi- haknya memahami kerajaan melakukan perkara ini untuk mendapatkan sokongan daripada rakyat bagi menunjuk- kan keprihatinan mereka, tetapi

perkara ini tidak sampai.

“Sampai bila kerajaan nak beri subsidi kepada penternak kerana ada kalanya ia tidak sampai ke- pada golongan disasarkan.

“Jadi langkah pengapungan di- anggap mampu menyelesaikan masalah ketiadaan bekalan telur atau ayam. Adakah lebih baik harga diapungkan dalam masa sama bekalan tetap ada, atau le- tak harga siling tetapi bekalan tiada dalam pasaran,” katanya.

Malah katanya, beliau yakin apabila harga telur atau ayam diapungkan, bekalan akan sen- tiasa ada dan tidak mustahil har- ga akan turun kerana peniaga akan bersaing sesama sendiri un- tuk menjual produk mereka.

“Apabila penawaran banyak, harga juga akan turun,” kata- nya.



Idrus Zainal Abidin

Penstrukturan sektor padi, beras bantu pesawah berdaya tahan

• Pesawah mahu ekosistem mantap untuk membantu mereka mencapai hasrat kerajaan, iaitu mengeluarkan hasil 10 tan beras per hektar

• Pesawah sangat memerlukan teknologi baharu untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kebergantungan kepada baja kimia yang merosakkan kualiti tanah



Oleh Datin Dr Fatimah
Mohamed Arshad
bhrencana@bh.com.my

Pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) akan menyarlurkan peruntukan RM10 juta tahun ini kemudian RM50 juta tahun hadapan kepada pesawah, adalah satu berita gembira kepada golongan berkenaan.

Jika dinilai berdasarkan bilangan pesawah terkini seramai 197,000 orang, ini bererti mereka akan menerima habuan RM51 setahun dan jika RM60 juta, RM254 setahun atau RM21 sebulan diterima golongan ini.

Maka, ternyata 'durian runtuh' ini sebenarnya amat tidak mencukupi. Nilainya kecil untuk melonjakkan pendapatan mereka yang hanya mencapai RM2,000 sebulan. Ibarat gula-gula, habis manis, derita tetap ada.

Justeru, apa yang harus ditawarkan kepada petani sebenarnya. Pertama, pesawah mahu ekosistem yang mantap untuk membantu mereka mencapai hasrat kerajaan, iaitu mengeluarkan hasil 10 tan per hektar.

Ekosistem menyeluruh ini daripada bekalan bantuan baja, benih padi, racun sehingga beras sampai ke meja makan.

Sebagai contoh, petani mahu benih padi bermutu tinggi dan sampai tepat pada masanya mengikut jadual Rice Check keluaran MARDI yang terbukti mampu menghasilkan hasil lebih daripada enam tan sehektar.

Baja bersesuaian juga diharapkan pesawah ini untuk sampai pada masa ditetapkan dalam Rice Check serentak dengan kemasukan air, tetapi keseragaman ini, seperti 'jauh panggang dari api'.

Benih padi dibekalkan pesawah ketika hanya bersumberkan kepada sembilan pembekal. Mengikut pesawah, bukan sahaja ia tidak mencukupi, malah benih lambat sampai dan tidak berkualiti atau banyak padi angin.

Justeru, apakah jalan penyelesaiannya. Dalam isu ini, pesawah kaya dengan pengalaman bersawah perlu diberi peluang untuk membekal benih padi. Maka, ia menambah kuantiti benih, bilangan pembekal, bekalan cepat sampai terutama

jika pembekal berhampiran dengan kawasan sawah.

Faedah lain diperoleh pesawah, termasuk menggalakkan persaingan dan inovasi benih benih baharu dan meningkatkan pendapatan mereka. Jika kualiti dibimbangkan, maka sistem pemantauan kualiti sama ada dalam talian atau pemeriksaan secara fizikal perlu dipertingkatkan.

Laporan Ketua Audit Negara 2018 menyatakan tempoh kelewatan penghantaran baja adalah antara 14 hingga 278 hari. Kedua, sejak 1970-an, hanya satu formula baja dikeluarkan untuk semua jenis profil tanah.

Maka, kelemahan ini menyebabkan kerugian besar dalam industri padi kerana hasil diperoleh berada di bawah potensi, menyebabkan pendapatan pesawah lebih rendah daripada sepatutnya.

Akibatnya, hasil padi menurun daripada empat tan per hektar pada 2015 kepada 3.6 tan per hektar pada 2020. Hakikatnya, paras hasil padi enam hingga lapan tan mampu mencapai taraf 100 peratus sara diri bagi pesawah.

Kesan pemusatan agihan

Sementara itu, kerajaan sebelum ini lantang melancarkan jihad memerangi orang tengah, tetapi seperti itu menyedari apabila agensi kerajaan sendiri menjadi pengedar tunggal baja dan input pertanian.

Konsep ini memperlihatkan kerajaan sebenarnya menjadi orang tengah paling besar dalam rantaian industri ini.

Begitu juga cadangan untuk meletakkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sebagai orang tengah kerana ia juga bererti kerajaan menjadi orang tengah.

Susulan itu, pemusatan agihan input pertanian membawa gejala berikut:

- Ia membina benteng tinggi menghalang kemasukan pengusaha baharu sama ada petani, usahawan muda dan swasta.
- Ia melembapkan pertumbuhan industri input tempatan kerana Malaysia bergantung kepada import baja dan racun saban tahun.
- Monopoli menyebabkan tidak mendorong untuk kecekapan dan kepantasan dalam menghantar baja kerana tiada persaingan dan tiada siapa menyemak proses serta prosedurnya.

• Kelewatan pengalihan baja dan racun menyebabkan kos ketidakcekapan tinggi kepada sektor ini.

• Perolehan baja bernilai besar membuka ruang kepada amalan korupsi dalam kalangan pegawai dan eksekutif.

• Kerugian kerana tidak menggunakan sumber tempatan seperti bio-mass, bahan makanan buangan dan buangan pertanian tidak digembelngkan sepenuhnya untuk memenuhi keperluan kelestarian alami.

Kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan BERNAS menguasai dua pertiga pasaran padi dan beras tempatan serta 100 peratus ke atas monopoli. Pesawah pula tidak dibenarkan menjual beras.

Untuk menjaga kadar potongan berpatutan, ada keperluan untuk wujudkan persaingan pada peringkat tanaman, pengilangan, pemasaran dan import.

Di negara ini, pasaran kilang padi adalah berpusat. Buktinya pada 1970-an terdapat 1,900 kilang padi dengan 70 peratus daripadanya adalah koperasi milik pesawah, tetapi kini hanya terdapat 157 kilang padi dimiliki pihak swasta dan BERNAS.

Cadangan untuk memperbaiki kapasiti pesawah adalah dengan membina kilang dan mesin kecil membolehkan mereka menjual beras atau produk nilai tambah kepada pengguna.

Teknologi baharu, pemberian subsidi

Hakikatnya, pesawah sangat memerlukan teknologi baharu untuk meningkatkan hasil, mengurangkan pergantungan kepada baja kimia yang merosakkan kualiti tanah.

Maka, antara jalan penyelesaian yang relevan termasuk:

- Pemberian subsidi untuk penggunaan teknologi moden dan termaju seperti dron dan aplikasi teknologi maklumat.
- Geran kepada syarikat permulaan untuk mencipta pelbagai aplikasi dan penyelesaian bagi mengatasi penyakit, serangan serangga, meningkatkan kecekapan pelbagai proses penanaman padi dengan mesin pintar, internet benda (IOT) untuk pengurusan sawah, e-perniagaan untuk pemasaran padi dan beras.
- Pemberian subsidi ke atas pembelian jentera atau mesin pintar.
- Mesin dan kilang beras kecil untuk membolehkan petani menjual varieti istimewa.

Pada dasarnya, pesawah mahu varieti padi bermutu tinggi dan berdaya tahan kepada penyakit serta perubahan cuaca, di samping mampu ditanam lebih tiga kali setahun seperti di Vietnam.

Maka, antara jalan penyelesaiannya adalah meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan, terutama di universiti dan MARDI.

Minda pesawah hari ini adalah mereka memerlukan penstrukturan sektor padi dan beras supaya lebih berdaya bersaing, tiada monopoli atau kartel pada pelbagai peringkat pasaran, tiada monopoli dalam agihan baja dan input.

Ia termasuk struktur dan institusi mesra petani serta pembangunan teknologi moden pantas untuk menghasilkan pengeluaran padi tinggi, mesra alami, berdaya tahan dan bermutu tinggi.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

'Nak dapat RM50 sehari pun susah'

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
 utusannews@mediamulla.com.my

KANGAR: Shaharim Senapi, 65, hanya mampu termenung mengenangkan nasib diri dan rakan-rakan nelayan lain di negeri ini apabila hasil tangkapan mereka semakin hari semakin berkurangan sehingga menjejaskan pendapatan.

Hasil tangkapan mereka difahamkan berkurangan sehingga 70 peratus disebabkan pelbagai faktor antaranya cuaca tidak menentu ketika ini selain pencerobohan nelayan luar menangkap siput retak seribu di perairan negeri ini.

Meluahkan kekusaran itu kepada *Utusan Malaysia*, Shaharim yang sudah lebih 50 tahun mencari rezeki sebagai nelayan berkata, sebelum ini, mereka memperoleh pendapatan seki-

tar RM200 ke RM300 sehari, namun jumlah itu berkurangan berikutan hasil tangkapan yang semakin terjejas.

Kata Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Negeri Perlis (Pelaris) itu, kebelakangan ini, nelayan hendak memperoleh pendapatan RM50 sehari agak sukar.

"Sekarang nak dapat RM50 pun susah malah kadangkala pendapatan yang diperoleh itu tidak mencukupi untuk membuat modal bagi membayar upah awak-awak dan mengisi diesel bagi enjin bot.

"Situasi ini sekali gus menjejaskan perbelanjaan harian kami dan hanya sekadar cukup-cukup makan," katanya.

Shaharim berkata, perubahan cuaca yang mana angin Barat bertukar ke Timur ketika ini juga menjadi faktor kepada

permasalahan berkenaan.

Malah, katanya, kekurangan hasil tangkapan itu semakin meruncing apabila berlakunya pencerobohan nelayan luar di sekitar perairan Kuala Perlis.

"Nelayan luar banyak mengambil kesempatan untuk masuk ke perairan di sini malah ada di antaranya turut mengaut hasil laut seperti siput retak seribu yang diharamkan penangkapan di negeri ini.

"Tindakan nelayan luar yang menangkup siput di perairan negeri ini telah menyebabkan ekosistem dasar laut di perairan ini terganggu sehingga membuatkan ikan-ikan tidak lagi tertumpu di sini berikutan bau tanah busuk kerana aktiviti itu.

"Keadaan ini menyebabkan pengurangan hasil bagi tangkapan kami pada setiap hari," katanya.



SHAHARIM Senapi merenung jauh mengenangkan nasibnya dan rakan-rakan nelayan lain di Perlis yang terjejas ekoran hasil tangkapan semakin berkurangan. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Prices of fish, vegetables double due to monsoon season

KOTA BARU: The prices of fish and vegetables have doubled over the past three days due to heavy rains during the monsoon season.

Traders cited suppliers selling the items at slightly higher prices.

Checks at Pasar Besar Siti Khadijah and Tunjong Rural Transformation Centre found that vegetables, such as sawi, were being sold at RM8 and RM9 per kg compared with RM5 previously.

Radishes were priced at RM10 compared with RM5 before, while *cili kempung* had increased to RM40 from RM20.

Cucumbers were sold at RM5 per kg compared with RM3 previously and a bundle of kankung is priced at RM3 compared with RM3 for two bundles before.

Vegetable trader Siti Noraini Mohd Yaman, 47, said as the price of vegetables had increased in the past three days, she got her vegetables from Thailand and

Cameron Highlands.

"The supply of vegetables is sufficient, but the price hike is due to transportation costs. It is a common occurrence during the monsoon season.

"Some traders did not want to raise prices, but buyers should understand that this happened because of the floods, which led us to get supplies at high prices.

"When the monsoon season comes, the prices of vegetables will increase due to the difficulty

in getting supplies and having to get them from external suppliers.

"I expect this price increase to continue until the end of this year or the beginning of next year, depending on the weather," she said at Pasar Besar Siti Khadijah here yesterday.

Fish trader Rosdi Hussin, 50, said for the past three days, he had been forced to sell frozen fish because there was no supply of fresh fish due to fishermen not

being able to go out to sea.

"I obtained frozen fish from a supplier.

"Only a few types of fish were taken, such as *selayang*, *cencaru*, *kembung* and *selar*, which are favourites among customers.

"During the monsoon season, many fishermen have to sell frozen fish and the price of the fish is expensive."

He said customers still bought frozen fish because it was a necessity.

Shortage and food price increases may dampen CNY joy

By KHOO GEK SAN
gekstan@thestar.com.my

PETALING JAYA: Fish symbolise "abundance" in Chinese New Year celebrations, but ironically, the treasured seafood is in short supply for the festive season.

Malaysians are told to be prepared to dig deeper into their pockets next month as prices are expected to soar because of poor weather and dwindling catches.

Hai Suah Hutan Melintang Association president Lee Chu Soi said the preferred fish for Lunar New Year feasts, the white pomfret, now fetched a high price of RM130 or RM140 for over a kg.

"It is already difficult to find this fish now and it might be even scarcer nearer to Chinese New Year," he said, adding that the price was like-

ly to go up by 15% to 20%.

The Chinese community will usher in the Year of the Rabbit on Jan 22.

Persatuan Nelayan Kawasan Endau president Bob Chia said Chinese pomfret now cost RM200 in Johor, and the price was expected to rise again.

"Fish like pomfret are usually exported to Singapore, where freshly caught fish from the South China Sea are very highly priced," he said.

According to him, the white pomfret costs RM50 to RM60 per kg, and snapper and grouper fetch RM40 to RM50 per kg. Chia said in Endau, many fishermen were not willing to risk operating their vessels in unpredictable weather.

"We have seen extreme weather lately and fisherfolk are reluctant to take their boats out. That's why the

fish catch has been low," he added.

Kuala Lumpur Hoi Seung Fish Wholesalers Association chairman Sing Kian Hock said pomfret and prawn prices had increased by 20%, noting also that there was low supply around the Klang Valley.

He said the Chinese pomfret (dou chang) and white pomfret (bai chang) are classic favourites in Kuala Lumpur, and the prices were considerably lower than in other states at RM95 to RM100 per kg.

Except for pomfret, the prices have risen by between 10% and 20% for different catches, from ikan kembung (mackerel) to prawn.

Chinese New Year revellers will also have to brace for a price hike in another must-have dish during reunion dinners - roast pork (siew yuk).

Malaysia Pork Meat Traders'

Association chairman Chow Poh Yue said the price of pork had gone up nine times this year.

"I don't want to comment on pork prices. I feel the government should step in, especially with Chinese New Year being just around the corner," he said.

Fish, pork - even chicken is another festive essential for Chinese New Year.

While a labour shortage, skyrocketing costs of chicken feed and sick chickens were some of the challenges that have caused farmers to grapple with a supply shortage, now they say the country has an over-supply of chicken.

According to farmers, there is enough chicken supply but since the price for chicken fodder remains high, there will be no significant reduction in the price of chicken.

Johor Small and Medium Poultry Farmers' Association secretary Lau Ka Keng said his chicken farm could produce 170,000 birds per month to meet client demand.

He said in Johor, the supply by chicken farms was stable but the government subsidy was delayed.

Pudu Hawkers and Petty Traders Association chairman Lim Kin He said the chicken supply at wet markets had stabilised again, adding that there was even a slight drop in prices.

A member of the Federation of Livestock Farmers Associations of Malaysia said chicken prices should be floated according to supply and demand.

"We hope to meet the new minister to ask price controls be lifted so that consumers can pay a reasonable price," he said.

Wet weather increasing costs

Veggie, fish prices expected to surge during CNY

By FATIMAH ZAINAL
fatimah@thestar.com.my

PETALING JAYA: Vegetables and seafood now cost more due to a drop in yield caused by the rainy season, and if the bad weather persists, prices are expected to soar even higher for the Chinese New Year period.

Federation of Vegetable Farmers Associations president Lim Ser Kwee said harvests had been dropping due to the wet northeast monsoon season.

"If it continues to rain for the next two weeks, surely the prices of vegetables will go up for Chinese New Year because our harvest suffers when there is heavy rainfall.

"Buyers from Singapore have also started coming here to buy vegetables in our markets as the school holidays have started over there, so there is less supply in the market," he said when contacted yesterday.

Kuala Lumpur Vegetable Wholesalers' Association president Wong Keng Fatt said the prices of vegetables had started increasing recently by between 10% and 20% but would rise if there were floods.

"The price has increased this week but it's not the real



increase yet.

"It will be more expensive in the coming weeks if the downpours continue.

"Also, if there are floods this month and next, then definitely the supply of vegetables will be affected, driving up prices for the Lunar New Year," he said.

Wong said wholesale prices of vegetables had currently gone up, with sawi costing between RM5 and RM5.50 compared with about RM3 normally.

"The wholesale price for spinach is now between RM6 and RM6.50 compared with its usual RM2 or RM3," he added.

"These are just wholesale prices, so retail prices will be higher."

Seafood supplier North Ocean Holdings Sdn Bhd director Candice Goh said the price of fish had been increasing due to the weather, higher post-pandemic consumer demand, and the high cost of hiring foreign workers.

Large-scale gatherings such as weddings, company dinners and

anniversaries after the country began the transition to Covid-19 endemicity have pushed up demand for seafood, which is also likely to cost more for the Chinese New Year.

Goh added that the change in weather patterns over the years had seen fishermen getting reduced catches.

"Years back, around September to October would have been the peak of the seafood season, but now it's still raining and strong winds have affected both raw catch activities and migration of the fish.

"Another reason is the difficulty and high cost of getting foreign workers, especially skilful fishermen from overseas, mostly Thailand, due to our currency," she said.

Goh said as the first-hand seller, her company only imposed an increment of between 3% and 8% to the second- or third-hand sellers.

"The second and third sellers could add on services, be it packaging, cleaning or logistics, and impose a higher cost to end users or hotels, restaurants, and catering industry," she said.

Meanwhile, a founder of an organic farm in Melaka has managed to avoid raising prices over the past five years as he sells

directly to end consumers.

Kenn Wai, who runs Agro Bright Farm, said distributors were the main cause of the rising prices of vegetables.

"Farmers don't easily get to sell at a higher price, it is the distributors who control the market price.

"That's why my farm and a few of my farmer friends don't sell to the distributors, we sell directly to the end consumers and educate them on who the farmers growing their food are," he said.

Nonetheless, Wai foresees that it would eventually be inevitable for him to charge more.

"The import materials and labour fees are getting higher and higher," he said.

Consumers' Association of Penang education officer NV Subbarow said the prices were high as they were fixed by the middlemen.

He urged the government to haul up unscrupulous sellers to court and give them a hefty fine if they overcharged customers.

He also suggested the government's enforcement team set up more complaint booths at markets.

"No more middlemen; it's time for government agencies to act," he said.